

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.
RAMLI [LUMUT]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [LUMUT] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan peratusan pemulihan industri pelancongan berdasarkan jumlah pengunjung berikutan pembukaan semula destinasi pelancongan seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berikutan kebenaran rentas negeri dan pembukaan aktiviti pelancongan secara berperingkat di seluruh negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) giat memantau perkembangan pemulihan industri pelancongan dari semasa ke semasa.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Domestik yang dilaksanakan bermula 16 September 2021 di Pulau Langkawi, telah berjaya mencatatkan kedatangan melebihi 100,000 orang pelawat dari seluruh negara dalam tempoh sebulan pelaksanaannya.
3. Susulan kejayaan negara mencapai kadar peratusan 90% populasi dewasa lengkap vaksin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan kebenaran aktiviti rentas negeri bermula 13 Oktober 2021 yang lalu. Ini telah membawa khabar gembira kepada penggiat industri kerana rakyat kini boleh melakukan aktiviti pelancongan di seluruh negara dan seterusnya merangsang pemulihan industri.
4. Oleh yang demikian, dalam usaha merancakkan kembali pelancongan domestik, MOTAC telah merancang pelbagai strategi, antaranya pelaksanaan program penebusan insentif dalam bentuk diskaun/rebat/baucar yang ditawarkan kepada pengguna syarikat-syarikat penerbangan, Persatuan Hotel Malaysia (MAH) dan pembelian produk kebudayaan. Berdasarkan pemantauan Kementerian, hampir 40% daripada insentif ini telah ditebus oleh rakyat Malaysia. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat dengan pantas dengan mengambil kira pembukaan penuh aktiviti pelancongan dan rentas negeri di seluruh negara.

NO. SOALAN : 33

5. Sementara itu, beberapa tarikan pelancongan seperti muzium, zoo dan beberapa tapak warisan dunia juga dilaporkan telah rancak menerima semula kedatangan pengunjung. Muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) misalnya, telah menerima kunjungan melebihi 47,000 pelawat sehingga 24 Oktober 2021 yang lalu, berikutan kebenaran pengoperasian semula muzium-muzium secara berfasa bermula 7 Ogos 2021. Antara muzium yang terlibat adalah Muzium Negara, Muzium Sungai Lembing, Muzium Tekstil Negara dan Muzium Seni Bina.

6. Pada masa yang sama, Persatuan Hotel Malaysia (MAH) melaporkan bahawa *Average Occupancy Rate* (AOR) bagi hotel-hotel 4 hingga 5 bintang yang berdaftar dengannya di seluruh negara telah meningkat melebihi 30% pada bulan Oktober 2021.

7. Di samping itu, MOTAC turut mengambil maklum laporan *Malaysia Airports* berhubung kenaikan pergerakan penumpang domestik sebanyak 74% bagi bulan September 2021 berikutan kejayaan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Domestik Langkawi. Angka ini dijangka akan terus meningkat seiring dengan peralihan fasa-fasa Pelan Pemulihan Negara dan kelonggaran Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah diumumkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.